



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PMKS KEBANGSAAN (MPUPK) BILANGAN 1 TAHUN 2023

Pada 30 Mac 2023, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Wilayah dan Desa, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi mempengerusikan Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2023 yang diadakan di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Mesyuarat turut dihadiri oleh YAB Timbalan Perdana Menteri 2 merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YB Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Persekutuan, YB Timbalan Premier Sarawak, YB Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat.

Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) ini dibentuk sebagai platform utama dalam membincangkan program dan inisiatif pembangunan usahawan dan PMKS selari dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030). Mesyuarat ini merupakan mesyuarat MPUPK pertama yang diadakan selepas pembentukan Kerajaan Perpaduan.

Antara perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah perancangan pelaksanaan program-program keusahawanan PMKS yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi tahun 2023. Mesyuarat mengambil perhatian bahawa jumlah peruntukan yang disalurkan kepada KUSKOP hanya 1.84 peratus daripada peruntukan sebanyak RM40 bilion yang disediakan untuk PMKS di bawah Belanjawan 2023. Oleh itu, Kementerian Ekonomi telah

diminta untuk mempertimbangkan peruntukan tambahan bagi meningkatkan lagi pelaksanaan program keusahawanan KUSKOP.

Dalam memastikan agenda pembangunan usahawan yang inklusif, KUSKOP telah memperkenalkan program-program baharu seperti Skim Pembiayaan Usahawan Tamu di bawah TEKUN Nasional dan memeruntukkan RM3 juta di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) di bawah SME Corp. khusus untuk usahawan-usahawan di negeri Sabah dan Sarawak. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan mengenai perancangan pelaksanaan program-program usahawan PMKS pada tahun 2023 oleh kementerian-kementerian lain serta kerajaan-kerajaan negeri berdasarkan pelaporan di bawah Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) oleh SME Corp.

Berdasarkan perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan PMKS yang dicatatkan sehingga Januari 2023 ialah 1.17 juta, iaitu peningkatan purata sebanyak 3.3 peratus setahun berbanding tahun 2015. DOSM menganggarkan bahawa sumbangan PMKS kepada KDNK pada tahun 2022 ialah sekitar 37.5 hingga 38 peratus manakala jumlah eksport PMKS bagi Barangan dan Perkhidmatan ialah sekitar 10.9 peratus. Angka-angka ini menunjukkan bahawa Kerajaan perlu terus membantu dan menyokong usahawan PMKS memandangkan sektor PMKS menyumbang kepada 48.1 peratus guna tenaga negara dan pada masa yang sama, ia dapat meningkatkan sumbangan PMKS kepada ekonomi negara.

YAB Timbalan Perdana Menteri menekankan supaya dasar-dasar yang mesra dan membantu pembangunan perniagaan perlu diberi tumpuan untuk membantu para usahawan PMKS mengekalkan kelangsungan operasi perniagaan.

Pelaksanaan program dan inisiatif di bawah Belanjawan 2023 oleh semua Kementerian dan Agensi juga diberi perhatian serius dan haruslah berorientasikan hasil (*outcome oriented*). Melalui tindakan ini, bantuan

kepada usahawan tempatan wajar diperluaskan ke peringkat negeri dan daerah termasuk di Sabah dan Sarawak bagi memastikan capaian yang menyeluruh, tepat dan cepat. Bagi tujuan tersebut, sinergi serta koordinasi antara Kementerian dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri perlu ditingkatkan untuk mengelakkan pertindihan pelaksanaan dan kerja secara *silo*.

Bagi mengelak daripada berlaku pertindihan atau *redundancy* usahawan-usahawan yang telah menerima bantuan Kerajaan, mesyuarat bersetuju agar KUSKOP dan Kementerian Ekonomi melalui DOSM untuk menyelaras pangkalan data usahawan yang lebih menyeluruh bagi memastikan lebih ramai usahawan dapat dibantu secara bersasar serta berstruktur oleh Kerajaan. Selain itu, mesyuarat juga bersetuju agar DOSM bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah untuk membekalkan statistik PMKS yang terperinci bagi perancangan program yang lebih berkesan.

Mesyuarat juga turut membincangkan kepentingan inisiatif dan intervensi bersasar untuk meningkatkan prestasi dan daya saing PMKS mengikut kitaran hayat perniagaan. Mesyuarat bersetuju dengan kepentingan program *scaling up* perniagaan usahawan bagi migrasi ke tahap yang lebih baik. Dalam hal ini, KUSKOP akan melaksanakan kajian semula Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) bermula pada tahun hadapan untuk mengenalpasti hala tuju sektor keusahawanan negara dengan mengambil kira ekosistem keusahawanan yang dinamik dan memerlukan sektor tersebut mengadaptasi kepada pembaharuan yang berlaku di dalam dan luar negara.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

30 MAC 2023

